



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR  
DAN PERUBAHAN IKLIM

# SIARAN MEDIA

---

## **IGEM 2023 MEMBUKA TIRAI, SAMBUTAN MENGALAKKAN PADA HARI PERTAMA**

### ***SYARIKAT-SYARIKAT TEKNOLOGI HIJAU TERKEMUKA MEMENUHI LEBIH 400 RERUAI PAMERAN***

---

Pameran Dan Persidangan Teknologi Hijau serta Produk Eko Antarabangsa Malaysia (IGEM), acara perdagangan untuk teknologi hijau dan penyelesaian eko yang terkemuka di Asia Tenggara anjuran Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) dan dianjurkan bersama Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC) telah dibuka dengan rasminya hari ini dengan disertai oleh syarikat-syarikat terkemuka yang memenuhi lebih 400 reruai pameran.

Edisi IGEM ke-14 pada tahun ini yang bertemakan "Usaha Ke Arah Rendah Karbon: Kepimpinan dalam Tindakan Iklim" menyasarkan peluang perniagaan bernilai RM4 bilion dan 40,000 orang pengunjung daripada lebih 40 buah negara. Acara ini menjadi satu kemestian bagi mereka yang terlibat dalam rantai nilai pembangunan mampan. Ini terbukti melalui rekod prestasi cemerlang seperti peluang perniagaan bernilai RM41 bilion dan lebih 530,000 orang pengunjung dari 112 buah negara sejak tahun 2010.

Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, YB Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, "IGEM 2023 dianjurkan tepat pada masanya ketika tindakan iklim semakin diperlukan. Acara ini juga penting dan berkesan untuk menyatukan usaha kita ke arah rendah karbon. Saya gembira melihat sambutan yang diterima daripada para pempamer, penceramah, perwakilan, atase perdagangan, pemimpin korporat dan pelawat perniagaan. Sambutan ini bukan sahaja mencerminkan populariti IGEM tetapi juga keperluan mendesak terhadap tindakan iklim."

Ruang pameran disusun mengikut tema-tema Memperkasakan Bandar, Mobiliti Elektrik, Tenaga Kurang Karbon, Mempercepatkan Kitaran dan Memulihara Biodiversiti. Syarikat-syarikat korporat terkemuka seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB), Leader EV Solutions Sdn Bhd, Samaiden Group Berhad, Solarvest Holdings Berhad dan Cenergi SEA Berhad hadir dengan reruai masing-masing yang hebat.

Antara peserta ternama pada pameran tahun ini ialah para perwakilan dari pelbagai negara, termasuk Austria, Kanada dan Sweden serta institusi kewangan terkemuka seperti UOB, Alliance Bank dan CIMB.

Turut kembali ke IGEM 2023 ialah syarikat solar terkemuka seperti Canadian Solar, Jinko, Longi, Sungrow dan Trina yang membuktikan kepentingan pameran dalam sektor tenaga boleh diperbaharui.

Acara utama IGEM tahun ini ialah Persidangan & Pameran AtoZero ASEAN yang diadakan secara serentak di tempat yang sama. Dikuasai oleh Gentari, AtoZero ASEAN mengumpulkan nama-nama penting dalam rantai nilai karbon sifar bersih. Ini termasuklah para pembuat keputusan dan pembawa perubahan yang akan meneroka kaedah, dasar dan peluang perniagaan secara menyeluruh untuk memacu agenda peralihan karbon sifar bersih global.

Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, YB Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, "Untuk ASEAN menjadi faktor penentu dalam peralihan tenaga secara saksama, kita perlu berbincang dan mencapai kesepakatan dalam topik-topik penting dan isu-isu mendesak seperti kerjasama kesalinghubungan serantau, penyimpanan tenaga, penangkapan karbon, pembiayaan hijau, ekonomi hidrogen dan grid masa depan ASEAN. Ini menjadikan penyertaan AtoZero ASEAN di IGEM semakin penting untuk membolehkan kita memacu dialog kepimpinan, pelaburan dan inovasi dalam usaha ASEAN mencapai karbon sifar bersih."

Pada hari pertama IGEM 2023, YB Menteri turut merasmikan pelancaran Astaka Malaysia sempena penyertaan negara dalam Persidangan Ke-28 Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNFCCC COP 28). Penyertaan ini mencerminkan fokus Malaysia terhadap peralihan tenaga dan usaha mengurangkan pelepasan gas rumah hijau selaras dengan Panel Penasihat Perubahan Iklim.

Pelbagai Perjanjian Persefahaman (MoU) akan ditandatangani antara pihak Malaysia dan antarabangsa semasa IGEM 2023 bagi mengukuhkan komitmen masing-masing terhadap ekonomi hijau serantau.

Persidangan turut membawakan sesi pepadanan perniagaan yang ditunggu-tunggu anjuran Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan MGTC.

"IGEM 2023 akan memainkan peranan kepimpinan yang penting dalam mempercepat dan memenuhi agenda Rendah Karbon dan Peralihan Tenaga Saksama di rantau ini. Kita melihat acara-acara seperti IGEM sebagai penyumbang penting kepada tindakan iklim di peringkat negara, serantau dan juga global," tambah beliau lagi.

IGEM 2023 juga menganjurkan beberapa persidangan melibatkan topik-topik seperti kecekapan tenaga, pasaran karbon, kesihatan planet, mobiliti rendah karbon, ekonomi hidrogen, air, alam sekitar, ekonomi kitaran, teknologi dalam ESG dan insentif hijau.

IGEM 2023 dan AtoZero ASEAN akan dirasmikan serentak oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof bagi pihak Perdana Menteri Malaysia dalam majlis perasmian pada 5 Oktober 2023.

Untuk menjadi sebahagian daripada Usaha Ke Arah Rendah Karbon, daftarlah secara percuma sebagai pelawat perdagangan atau awam di <https://register.igem.my/> . Untuk mendapatkan butiran lanjut tentang IGEM 2023, sila layari [www.igem.my](http://www.igem.my)

# KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (NRECC)

4 OKTOBER 2023

---

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)  
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia